

# RM10.4 juta laksana penyelidikan di UMS

AM 21-03-2012 26

KOTA KINABALU 20 Mac - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima peruntukan sebanyak RM10.4 juta bagi menjalankan 40 aktiviti penyelidikan pada tahun ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, peruntukan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi itu akan digunakan bagi melakukan pelbagai program penyelidikan yang dirancang pihak universiti.

“Jadi saya berharap projek penyelidikan tersebut akan dijalankan dengan jayanya seterusnya menghasilkan penerbitan dan produk bermutu tinggi,” katanya di sini, baru-baru ini.

Beliau berharap kerjasama pintar dengan pihak industri dan universiti luar negara dapat diperhebatkan bagi meningkatkan kualiti setiap penyelidikan.